

MSWG AGM/EGM WEEKLY WATCH

Tempoh 17 hingga 21 Januari 2025

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
18.02.25 (Selasa) 10.00 pagi	Sasbadi Holdings Berhad (AGM)	Melangkah ke hadapan, strategi utama kumpulan Sasbadi adalah untuk berkembang melangkaui penerbitan bercetak dan memberikan tumpuan pada penyelesaian pendidikan digital. Kepakaran kumpulan dalam bidang ini meletakkan mereka dalam kedudukan yang baik untuk memanfaatkan Dasar Pendidikan Digital yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan. Selain itu, kumpulan Sasbadi juga akan meneroka peluang perniagaan baharu bagi mempelbagaikan sumber pendapatannya melalui penggabungan dan pemerolehan strategik bagi mengembangkan barisan produk yang ditawarkan.
18.02.25 (Selasa) 10.00 pagi	Fiamma Holdings Berhad (EGM)	Fiamma membentangkan dua resolusi untuk diluluskan oleh pemegang saham berkaitan cadangan usaha sama (<i>joint venture</i> , JV) antara Fiamma dan BKG Development Sdn Bhd (BDSB), anak syarikat milik penuh Chin Hin Group Property Berhad. Usaha sama ini melibatkan anak syarikat Fiamma, Dawn Land Sdn Bhd (DLSB) dan Aricia Sdn Bhd (ASB), yang mana BDSB akan melanggan 70% pegangan dalam kedua-dua syarikat dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM7 juta. DLSB dan ASB memiliki

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>serta membangunkan dua bidang tanah di kawasan utama Kuala Lumpur.</p> <p>Selepas menanda tangan perjanjian pemegang saham, BDSB akan memperoleh DLSB dan ASB bagi membayar balik dan/ atau menebus sejumlah agregat sehingga RM199.85 juta yang terhutang oleh DLSB dan ASB kepada FHB, anak syarikatnya serta pemiutang FHB dan subsidiarinya. Jumlah akhir untuk amaun yang terhutang ini hanya akan ditentukan selepas langganan saham DLSB dan ASB dimuktamadkan.</p> <p>Sementara itu, usaha sama ini turut merangkumi cadangan langganan Fiamma ke atas saham keutamaan boleh tebus berjumlah 12 juta dalam BDSB dengan harga langganan nominal sebanyak RM1,200. Struktur ini membolehkan Fiamma menerima jumlah yang ditebus sebanyak RM12 juta sebagai pertukaran kepada pengurangan pegangan sahamnya dalam dua syarikat tersebut daripada 100% kepada 30%.</p>
<p>20.02.25 (Khamis) 11.00 pagi</p>	<p>Datasonic Group Berhad (EGM)</p>	<p>Syarikat berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan penukaran nama daripada "Datasonic Group Berhad" kepada "NexG Berhad".</p>
<p>21.02.25 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>Wellcall Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM209.40 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM217.16 juta), terutamanya disebabkan oleh permintaan yang berkurangan untuk hos getah industri bertekanan rendah dan sederhana di pasaran global.</p> <p>Selain itu, keuntungan sebelum cukai Kumpulan menyusut kepada RM64.22 juta (tahun kewangan berakhir 2023: RM74.42 juta) disebabkan oleh kerugian tidak direalisasi yang lebih tinggi daripada pertukaran mata wang asing sebanyak RM5.15 juta.</p>

PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diajukan
Sasbadi Holdings Berhad (AGM)	<p>Inventori yang diturunkan nilainya meningkat dengan ketara daripada RM3.04 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 kepada RM9.9 juta pada tahun kewangan berakhir 2024. Peningkatan dalam peruntukan ini mencerminkan strategi Kumpulan untuk mengurangkan nilai judul lama dan memberikan tumpuan pada penerbitan baharu yang dijangka menyumbang lebih banyak kepada prestasi kewangan Kumpulan, terutamanya dengan sokongan inisiatif Baucar Buku MADANI. Judul lama memerlukan diskaun yang lebih besar untuk dijual, yang boleh mengurangkan margin keuntungan Kumpulan (Halaman 18 dan 118, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Apakah langkah yang diambil untuk meminimumkan penurunan nilai ini pada masa hadapan? Adakah penurunan nilai yang tinggi seperti ini dijangka berulang pada tahun akan datang?</p> <p>b) Bagaimanakah pula sumbangan penerbitan baharu kepada prestasi kewangan Kumpulan berbanding dengan judul lama? Apakah faktor yang menunjukkan bahawa penerbitan baharu akan lebih menguntungkan berbanding dengan judul lama?</p> <p>c) Adakah Kumpulan meneroka peluang lain untuk mempelbagaikan sumber pendapatannya selain bergantung pada inisiatif kerajaan seperti program Baucar Buku MADANI? Jika ada, apakah sumber pendapatan lain yang sedang dipertimbangkan oleh Kumpulan?</p>
Wellcall Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan kerugian tidak direalisasi daripada pertukaran mata wang asing sebanyak RM5.15 juta sepanjang tahun kewangan berakhir 2024.</p> <p><i>“Keuntungan sebelum cukai yang menyusut adalah disebabkan oleh kerugian tidak direalisasi yang lebih tinggi daripada pertukaran mata wang asing berikutan pengukuhan Ringgit Malaysia akibat daripada sentimen mata wang asing yang tidak menentu”</i> (Halaman 8, Laporan Tahunan 2024).</p> <p><i>“Kumpulan juga mempunyai kontrak hadapan untuk pertukaran mata wang asing yang bersiap sedia untuk mengurangkan risiko mata wang asing, namun tidak digunakan sepanjang tahun kewangan ini dan pada tahun-tahun kewangan sebelumnya.”</i> (Halaman 160, Laporan Tahunan 2024).</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diajukan
	Merujuk perenggan di atas, sila perincikan strategi Kumpulan dalam mengurus pendedahannya terhadap turun naik mata wang asing.

[TAMAT]

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.